

(FOTO IHSAN UMP)

# UMP Holdings, ICDL Asia tingkat literasi digital rakyat

→ UCT Pusat Ujian Bertauliah terbaru ICDL Asia di Pahang

Oleh Shahrinnah Latib  
cnews@nstp.com.my

► Kuantan

**A**nak svariak milik penuh UMP Holdings, UMP Consultancy & Training (UCT), memeterai perjanjian kerjasama dengan International Computer Driving Licence (ICDL) Asia di Kompleks Komersial UMP Holdings di Gambang, di sini, semalam.

Perjanjian kerjasama itu memabitkan pemilihan UCT sebagai Pusat Ujian Bertauliah terbaru ICDL Asia di negeri ini.

Pada majlis berkenaan, UCT diwakili Pengerusinya, merangkap

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan UMP Holdings, Syed Mohamad Hamzah Al-Junid, manakala ICDL Asia diwakili Ketua Pegawai Eksekutif ICDL Foundation-Dublin, Damien O'Sullivan.

Yang turut hadir, Pengurus Besar UCT, Saudin Sulong; Pengurus Sumber Manusia UCT, Muhamad Adlan Ma'arup; Ketua Pembangunan Pasaran ICDL Asia (Asia Tenggara & Australasia), Gavin Chua dan Pengurus Pembangunan Pasaran Malaysia ICDL Asia, Syed Fairul Al-Mashoor.

**Sejajar fokus perniagaan UCT**

Syed Mohamad berkata, kerjasama itu juga sejajar dengan fokus per-



Syed Mohamad (dua dari kiri) bertukar dokumen perjanjian dengan O'Sullivan sambil disaksikan Sa'udin (kiri) dan Chua selepas majlis menandatangani perjanjian kerjasama antara UCT dan ICDL di Kuantan.

niagaan UCT dalam bidang perundingan dan perkhidmatan teknikal dengan menawarkan pelbagai program latihan dan pensijilan.

"ICDL pula adalah badan yang menawarkan pensijilan kemahiran komputer terkemuka di dunia yang berpangkalan di Dublin, Ireland. Menerusi modulnya, ia dapat membantu mengenal pasti serta menentukan tahap kemahiran dan kecakapan individu dalam penggunaan aplikasi komputer.

"Kerjasama ini membolehkan UCT menjadi peneraju inisiatif untuk meningkatkan literasi digital dalam kalangan rakyat Malaysia, terutama pelajar dan tenaga kerja di sekitar Pantai Timur,"



Kerjasama ini bolehkan UCT jadi peneraju inisiatif untuk tingkatkan literasi digital rakyat, terutama pelajar dan tenaga kerja di sekitar Pantai Timur"

**Syed Mohamad Hamzah Al-Junid,**  
Pengerusi UCT merangkap  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Kumpulan UMP Holdings

katanya, di sini, semalam.

**Pendorong hadapi IR 4.0**

Selain jalinan kerjasama, katanya, inisiatif itu juga bertindak sebagai pendorong dalam menghadapi Revolusi Perindustrian ke-4 (IR 4.0), terutama dalam membantu meningkatkan daya saing serta kualiti tenaga kerja dan pembangunan ekonomi Malaysia.

"Kita juga bertuah apabila pihak ICDL berminat untuk menjadikan modul 'Building Information Modelling (BIM)' di bawah UMP Holdings sebagai satu daripada siliub baharu untuk diperkenalkan dalam modul mereka," katanya.